



NOTIS TAWARAN SEBUT HARGA - BEKALAN

TAJUK & NO. SEBUT HARGA	KOD BIDANG	TARIKH IKLAN	TARIKH & TEMPAT PENJUALAN SEBUT HARGA	TARIKH TUTUP
CADANGAN MEREKABENTUK, MENCETAK DAN MENGEDAR TAQWIM 1448H MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN MAINS SB 04/2026	020603	15 APRIL 2026 (RABU) HINGGA 23 APRIL 2026 (KHAMIS)	16 APRIL 2026 (KHAMIS) HINGGA 22 APRIL 2026 (RABU) MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI SEMBILAN, JABATAN PERBENDAHARAAN, BAHAGIAN KEWANGAN ARAS 13 SAYAP SELATAN, MENARA MAINS	23 APRIL 2026 (KHAMIS) SEBELUM 12.00 TENGAH HARI

JUALAN DOKUMEN SEBUT HARGA

Dokumen Sebut Harga boleh diperolehi pada hari bekerja sahaja seperti ketetapan berikut:

Isnin hingga Khamis : 9.00 pagi - 12.00 tengahari

: 2.00 petang - 3.00 petang

Jumaat : 8.30 pagi - 12.00 tengahari

Sebarang pertanyaan boleh terus hubungi di talian 06-7620642 pada waktu pejabat.

KENYATAAN SEBUT HARGA

- Kaedah Pembelian Sebut Harga : Pembelian Dokumen Sebut Harga secara bersemuka
Harga Dokumen Sebut Harga : Ringgit Malaysia : Lima Puluh Sahaja (RM50.00) - TIDAK DIKEMBALIKAN
Kaedah Pembayaran : Pembayaran Secara Pindahan Elektronik (*Online Transfer*)
Maklumat Bank : Bank Muamalat Malaysia Berhad (0501 0004 2737 18)
 - Penyebut harga perlu **membawa bukti pembayaran untuk mendapatkan resit dan dokumen** di Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, Jabatan Perbendaharaan
 - Penyebut harga dikehendaki **melampirkan salinan Taksiran Zakat Perniagaan (Penyata eZP)** yang disahkan oleh Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (MAINS) bagi syarikat pemilikan dan perkongsian Muslim (mohon rujuk lampiran Kaedah Permohonan Penyata (eZP))
- Penyebut harga dikehendaki mendaftar profil syarikat sebelum dibenarkan menyertai tawaran sebut harga serta mengemukakan Dokumen Sebut Harga di pautan laman web MAINS.
 - Melawat laman web MAINS : <https://www.mains.gov.my/kontraktor/public>
 - Mengisi maklumat-maklumat yang dikehendaki dengan lengkap dan tepat
 - 'Scan' dokumen yang dikehendaki
- Pembelian Dokumen Sebut Harga hanya dijual kepada penyebut harga yang masih **SAH** tempoh sijil-sijil seperti di bawah :
 - Sijil Pendaftaran Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)
 - Sijil Perakuan Pendaftaran yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan
 - Sijil Perakuan Bumiputera yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan
- Sekiranya wakil penyebut harga yang hadir untuk pembelian Dokumen Sebut Harga, perlu mengemukakan sesalinan Surat Perwakilan Kuasa beserta sijil-sijil seperti di atas dan dibenarkan membeli hanya **satu (1)** Dokumen Sebut Harga bagi setiap wakil. Wakil adalah daripada kakitangan di syarikat tersebut.
- Penyebut harga **ADALAH DILARANG** untuk membuat sebarang pakatan harga/kartel dengan syarikat-syarikat lain sehingga proses sebut harga selesai dilaksanakan.
- Dokumen Sebut Harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam dua (2) **sampul surat dimeteri atau dikemas rapi dan ditutup (Sampul A KEWANGAN dan Sampul B TEKNIKAL)** dan ditulis **No. Sebut Harga beserta tajuk di bahagian atas sebelah kiri** dan dimasukkan ke dalam **Peti Sebut Harga, Majlis Agama Islam Negeri Sembilan, Jabatan Perbendaharaan.**
- Penyebut harga hendaklah memberikan bukti keupayaan yang kukuh dalam penyata bank **tiga (3) bulan (semasa)** yang disahkan asal oleh pihak bank disertakan bersama Dokumen Sebut Harga. **Sekiranya tiada pengesahan yang sah, Dokumen Sebut Harga akan dikira gagal dalam Proses Penilaian Sebut Harga.**
- Semua kos perbelanjaan berhubung dengan sebut harga ini adalah tanggungjawab penyebut harga sendiri.